

BAB 1

Pengenalan

Pendahuluan

Kehidupan bersosial merupakan keperluan bagi setiap yang hidup. Bersosial merupakan satu kemahiran yang boleh dipelajari melalui proses pembelajaran. Ia memakan masa dan banyak faktor yang mempengaruhinya. Kemahiran sosial ini terbahagi kepada beberapa aspek iaitu antaranya aspek motivasi diri, tingkah laku menonjol, kawalan diri, ketrampilan dan personaliti yang tersendiri. Menurut Vidler (1977), antara faktor yang boleh mempengaruhi pencapaian pelajar ialah sistem rol sosial, proses pendidikan dan interaksi dengan rakan sebaya. Ini membuktikan bahawa kemahiran sosial adalah sebahagian daripada unsur yang penting yang perlu diterapkan kepada diri pelajar dalam proses pembelajaran.

Sementara itu, konsep kendiri pula merupakan asas pembelajaran dan pengalaman untuk masa depan. Konsep kendiri dan kemahiran sosial perlu seiring bagi membentuk personaliti yang baik. Konsep kendiri merupakan pusat kepada tingkah laku dan personaliti individu. Ia merupakan sebahagian besar daripada gerakbalas individu dan kesihatan mental mereka (Sarbin, 1954). Setiap individu harus menganggap dirinya mempunyai personaliti yang baik agar konsep kendiri positif yang terbina dapat membawa kepada penerimaan diri dan pandangan hidup yang lebih jelas.

Pelajar yang mempunyai kemahiran sosial yang rendah berkemungkinan sukar untuk berkomunikasi dengan orang lain secara berkesan. Ekoran daripada itu, timbulah perasaan rendah diri, penghargaan diri yang rendah, sukar bekerjasama dengan individu lain dan sebagainya. Jika masalah begini berterusan maka akhirnya akan membentuk konsep kendiri yang rendah.. Kesukaran berhubung dengan individu lain juga boleh menyebabkan pelajar tersebut sering keciciran dan akhirnya mempengaruhi pembelajaran mereka lantas menghasilkan keputusan akademik yang lemah. Menurut Bluer (1989), masalah pembentukan konsep kendiri yang negatif boleh dikaitkan dengan masalah pencapaian dalam akademik. Menurutnya lagi, seseorang yang mempunyai konsep kendiri yang negatif sering merasakan dirinya sebagai tidak diperlukan dan tidak pasti dengan harga dirinya sendiri. Kesannya mereka akan sentiasa rasa tertekan dan berada dalam situasi kemurungan. Akhirnya akan memberi kesan kepada pembentukan tingkah laku dan juga prestasi pembelajaran. Pendapat ini juga disokong oleh Awang Had Salleh (1986) yang mengaitkan masalah pencapaian akademik dengan aspek kendiri yang rendah. Baginya kegagalan pelajar-pelajar khususnya pelajar Melayu berkait rapat dengan faktor dalaman diri pelajar itu sendiri seperti aspirasi dan cita-cita yang sederhana dalam pelajaran dan kerjaya.

Latar Belakang Kajian

Apabila seseorang itu berinteraksi dengan orang lain, perhubungan interpersonal memainkan peranan yang penting. Sekiranya tiada kemahiran sosial banyak masalah timbul seperti sukar mencari pekerjaan ramai pencari pekerjaan gagal mendapat kerja, berlaku keruntuhan rumahtangga dan wujud konflik di kalangan ahli dalam kumpulan sosial.

Di sekolah pula, ada kalangan pelajar-pelajar yang agak tersisih atau dipulaukan oleh kawan atau mengasingkan diri kerana kekurangan kemahiran sosial ini. Perbezaan daripada segi latarbelakang dan pengalaman seseorang pelajar mungkin akan menyebabkan keadaan tersebut. Kemahiran sosial ini pula tidak mempunyai kaedah atau silibus secara formal yang diajar di sekolah. Menurut Nowacek (1988), seorang pelajar yang lemah daripada segi pembelajaran mengalami masalah kemahiran sosial dan memerlukan latihan dalam kemahiran tersebut untuk menggalakkan kejayaan di sekolah, semasa bekerja dan dalam pergaulan seharian. Dikaitkan dengan konsep seseorang, kemahiran sosial memainkan peranan penting bagi membentuk kendiri yang positif.

Mengikut ahli psikologi seperti Rogers (1951), dan Briggs (1970), konsep kendiri merupakan perkara yang penting dalam membentuk personaliti seseorang. Konsep kendiri mempengaruhi segala tingkahlaku individu dan cara ia menyesuaikan diri dalam hidup. Individu yang mempunyai konsep kendiri yang negatif mengikut Walsh (1983), adalah orang yang tidak pasti tentang harga diri, melihat dirinya sebagai tidak berguna, tidak gembira dan mempunyai perasaan tertekan serta bimbang.

Bersosial khususnya berkomunikasi dengan individu lain merupakan asas kepada sebarang perhubungan interpersonal. Sekiranya seseorang itu tidak mempunyai kemahiran bertutur yang baik dan berkesan, kemungkinan kesusahan akan dialami ketika berhubung dengan orang lain. Kesannya seorang pelajar mungkin akan tersingkir daripada kelompok pelajar yang mempunyai kemahiran sosial yang baik. Hasilnya akan wujud sifat-sifat lain seperti lemah semangat, rendah diri, takut, malu, kurang percaya diri sendiri dan sebagainya lagi.

Hakikat daripada keadaan itu, dalam kajian yang akan dibuat satu modul telah dirangka sebagai satu bentuk latihan untuk mempertingkatkan kemahiran bersosial kepada pelajar-pelajar yang mempunyai tingkat kemahiran sosial yang rendah yang telah dikenal pasti antara sebab mereka lemah dalam akademik.

Pendekatan Teori

Teori yang menjadi asas dalam kajian ini ialah teori konsep kendiri oleh Rogers. Dalam Roediger III, Rushton, Capaldi dan Paris (1984), Rogers telah mendefinisikan konsep kendiri sebagai satu corak pembentukan konsep tentang perkara-perkara yang dilihat dan dirasakan. Pada masa yang sama proses penilaian turut berlaku. Proses pembentukan konsep kendiri juga mempengaruhi struktur diri hasil daripada interaksi seseorang dengan alam persekitarannya (Rogers , 1951). Bagi Rogers juga untuk memahami dengan lebih mendalam tentang Teori Konsep Kendiri, perlulah kita mengkaji bermula daripada kelahiran seorang bayi lagi. Bayi mula memahami tentang objek dan peristiwa yang berlaku dipersekitarannya apabila dia semakin membesar. Perlahan-lahan dia akan berupaya membezakan dengan tepat tentang perbezaan di antara dunia subjektifnya iaitu “saya” (*I*) dan dunia objektifnya iaitu “aku” (*me*), beserta dengan nilai yang diterapkan melalui pengalamannya, telah membawa kepada pembentukan konsep kendiri (Meador dan Rogers, 1973).

Semasa proses pembesaran berlaku, seseorang kanak-kanak akan berinteraksi dengan persekitarannya. Secara perlahan-lahan konsep-konsep tentang dirinya akan terbentuk hasil daripada perhubungannya dengan persekitaran. Malah dia juga akan memahami tentang persekitaran dan perkaitan dirinya dengan persekitaran. Konsep tentang diri terbentuk melalui persepsi

individu itu sendiri tentang dirinya . Manakala konsep tentang persekitaran terbentuk hasil daripada penilaian individu tentang persepsi orang lain terhadap dirinya. Konsep tentang perkaitan diri dengan persekitaran akan terbentuk melalui penilaian orang lain terhadap diri individu tersebut. Menurut Rogers, (1951) setiap individu akan mempunyai kelakuan selaras dengan konsep kendirinya. Segala tindak tanduknya dilihat sebagai dirinya. Contohnya seorang pelajar yang sering menggambarkan dirinya sebagai seorang yang kerap gagal, maka dia akan sering mencari alasan untuk memberi alasan bagi mengelakkan daripada belajar, membaca, dan berbincang. Akhirnya, keputusan peperiksaan yang diperoleh seperti yang dijangkakan iaitu kegagalan. Samalah juga sekiranya seseorang itu menganggap dia tidak disukai oleh orang lain, akan menyebabkannya sering menjauhkan diri daripada orang lain. Menurut Rogers lagi, pengalaman yang berlaku dalam hidup seseorang akan melalui proses yang sama ada dilambangkan, dihayati dan dihubungkaitkan kepada kendiri atau ditolak kerana tiada perhubungan yang dirasakan terhadap struktur kendiri.

Antara faktor utama pembentukan konsep kendiri yang rendah ialah faktor persekitaran. Oleh sebab itu, konsep kendiri tersebut boleh dipertingkatkan dengan langkah-langkah yang sistematik. Bagi Rogers dalam Forgas dan Shulman (1976), konsep kendiri boleh diubah melalui proses pematangan dan pembelajaran. Rogers mengandaikan perkembangan kanak-kanak adalah sebagai zaman yang kritikal bagi pembentukan personaliti. Perhubungan sosial ditekankan sejak awal pertumbuhan kanak-kanak. Seseorang itu perlukan situasi yang positif untuk membentuk kendiri yang positif. Situasi tersebut termasuklah penghargaan kendiri, sokongan, dan penerimaan. Bagi mengelakkan konflik dalam diri kanak-kanak, penyempurnaan kendiri dan penerimaan sosial perlu diselaraskan. Dalam

teori yang dikemukakan oleh Rogers iaitu kaunseling pusatan klien (*Client Centred*), matlamat utama ialah pengiktirafan diri individu. Rogers (1961), juga menyatakan kaunseling yang berjaya boleh menghapuskan syarat penilaian, meningkatkan sifat terbuka kepada pengalaman dan seterusnya meningkatkan keselarasan di antara konsep kendiri dan pengalaman. Oleh itu, untuk menghasilkan insan yang berfungsi sepenuhnya penerimaan tanpa syarat perlu diamalkan oleh ibu bapa dan guru-guru. Seseorang yang dapat berfungsi sepenuhnya ialah seorang yang dapat mengimbangkan antara psikologi dan kematangan, keselarasan yang lengkap, dan sifat terbuka terhadap perkembangan diri dan pengalaman.

Pernyataan Masalah

Kemahiran bersosial sebenarnya merupakan aset penting bagi setiap pelajar untuk menimba ilmu pengetahuan. Malah bukan setakat itu sahaja, kemahiran sosial ini amat penting setelah mereka melepasi alam persekolahan. Kebanyakkan pencari pekerjaan memerlukan kemahiran bersosial khususnya kemahiran berkomunikasi untuk memberi keyakinan kepada penemuduga tentang kebolehan serta kemampuan mereka. Adakalanya masalah kesukaran mencari pekerjaan sebenarnya berpunca daripada kurang kemahiran sosial di kalangan pencari pekerjaan. Mengikut Young (1986), pekerja-pekerja perlu mempunyai kemahiran sosial, sikap positif terhadap pekerjaan dan kemahiran asas komunikasi untuk berjaya dalam sesuatu pekerjaan.

Menurut Kain dan rakan-rakan (1988), kejayaan akademik sahaja tidak dapat menjamin kejayaan hidup seseorang dalam sesebuah masyarakat. Oleh itu, sekolah sebenarnya memainkan peranan penting untuk memberikan latihan

kemahiran sosial kepada pelajar-pelajar. Antara kemahiran yang boleh dibentuk ialah seperti mengikuti arahan, menerima kritikan, memberi salam kepada orang lain, menunjukkan rasa tidak setuju kepada orang lain, membuat permintaan dan mendapat perhatian guru. Jelasnya, kesukaran mungkin timbul sekiranya kemahiran sosial tidak dipunyai oleh seseorang pelajar untuk berinteraksi dalam proses menimba ilmu pengetahuan.

Bukan setakat pelajar di peringkat sekolah, malah kalangan pelajar peringkat institusi pengajian tinggi juga ramai yang berdepan dengan kelemahan dalam kemahiran bersosial. Masalah ini wujud mungkin berkait rapat dengan konsep kendiri yang rendah di kalangan pelajar dan siswazah. Walaupun mempunyai pencapaian akademik yang baik, seseorang pelajar harus dibekalkan dengan kemahiran bersosial yang mencukupi untuk menimba ilmu pengetahuan yang lebih di samping membentuk peribadi yang lebih mantap dan berkarisma. Kemahiran sosial yang mencukupi dapat membekalkan diri pelajar untuk berdepan dengan persaingan hidup yang semakin sengit. Cara yang dicadangkan ialah supaya para pelajar mengubah sikap, lebih peka dengan keadaan sekeliling, mempunyai daya tahanan, konsep kendiri yang lebih positif berasaskan pegangan agama, keyakinan diri dan kesanggupan menerima risiko dalam pelbagai bidang yang diceburi.

Sistem pendidikan negara mempunyai pengaruh yang besar terhadap masyarakat. Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) bertujuan membina pelajar sebagai insan yang berilmu, beriman dan bermoral. Penekanan bukan setakat kepada intelek tetapi juga membina aspek-aspek rohani, emosi dan jasmani untuk melahirkan insan yang sepadu, seimbang serta harmoni dan bertanggungjawab sejajar dengan falsafah negara. Tegasnya, dapat kita lihat

bahawa KBSM amat berkait rapat dengan konsep kendiri yang sihat dan manusia yang berfungsi sepenuhnya. Menurut Daud Awang (Berita Harian 12 Mac 1997), masalah komunikasi antara ibu bapa dan anak-anak boleh menjadi punca yang boleh menimbulkan kesan terhadap pembentukan kanak-kanak dan remaja. Sehubungan itu, wajarlah dilihat bagaimana proses didikan dalam keluarga dilakukan bagi menghasilkan golongan remaja atau pelajar yang mahir dalam kemahiran sosial khususnya komunikasi.

Kesimpulannya , seseorang yang mempunyai konsep kendiri yang sihat atau positif boleh mengamalkan ciri-ciri peribadi yang positif terhadap sesuatu situasi. Individu demikian juga mampu mengorak kejayaan dalam kemahiran sosial seperti bergaul, berkomunikasi dan berinteraksi dengan orang lain. Malah boleh dikatakan di kalangan mereka yang berjaya dalam hidup biasanya terdiri daripada mereka yang mempunyai kemahiran sosial yang baik dan konsep kendiri yang positif.

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:

1. membina golongan pelajar yang boleh menggunakan kemahiran sosial dengan mengamalkannya dengan cara yang lebih berkesan
2. melihat kesan intervensi latihan asas kemahiran bersosial di kalangan pelajar sekolah menengah.
3. melihat sama ada perbezaan antara kemahiran asas sosial dan konsep kendiri di kalangan pelajar sekolah menengah yang lemah akademik.
4. memberi peneguhan terhadap kemahiran sosial yang berkesan yang telah sedia ada pada diri pelajar.

5. melihat perkembangan konsep kendiri pelajar sebelum menerima latihan kemahiran sosial dan selepas menerima latihan tersebut.
6. melihat perubahan pencapaian akademik dalam setiap peperiksaan selepas rawatan diberikan

Kepentingan Kajian

Kajian ini merupakan kajian yang cuba untuk membantu mengenalpasti kelemahan atau kekurangan pelajar dalam kemahiran sosial yang memberi kesan terhadap konsep kendiri. Masalah tidak pandai bergaul dikenal pasti sebagai salah satu punca kelemahan dalam kemahiran sosial. Untuk melahirkan insan yang produktif, kemahiran dalam menguruskan diri dengan orang lain seseorang itu haruslah menguasai kemahiran bersosial yang teguh dan mantap. Sescorang mestilah petah bercakap dan pandai berbahasa dengan gaya yang betul dan dalam situasi yang sesuai.

Sebagai seseorang pelajar, kefasihan bertutur dan mempunyai konsep kendiri yang positif sudah tentu membolehkan berinteraksi dengan baik dengan rakan sebaya, guru-guru dan ibu bapa. Namun begitu, ketika ini banyak kalangan guru yang merungut kerana wujud pelajar yang bersikap pasif dan tidak mahu atau sukar berinteraksi dengan rakan atau guru ketika proses pembelajaran berjalan. Oleh itu, daripada aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam kajian ini diharapkan dapat membina sikap yang lebih aktif dan positif terhadap pelajar-pelajar.

Daripada kajian ini juga, secara tidak langsung dapat membantu pelajar menyediakan diri dalam mencari pekerjaan. Melalui latihan asas bersosial yang diberikan, diharap dapat menanamkan sifat berkeyakinan untuk berdepan dengan penemuduga apabila mereka hendak mencari pekerjaan nanti.

Bagi masyarakat umum pula, hasil kajian ini dapat menyedarkan serba sedikit tentang kepentingan kemahiran bersosial ini untuk menentukan corak kehidupan sesebuah masyarakat. Berasaskan latihan yang diberikan kepada pelajar besar kemungkinan kemahiran tersebut akan diserapkan kepada kelompok masyarakat yang lebih besar. Oleh itu, kesan positif akan diterima oleh seluruh masyarakat keseluruhannya.

Akhir sekali, kepentingan kajian ini juga ialah untuk melihat pelajar yang menerima rawatan dapat membaiki prestasi akademik masing-masing dari masa ke semasa.

Limitasi Kajian

Oleh kerana kajian ini menumpukan kepada konsep kendiri sekumpulan pelajar selepas diberi latihan (rawatan), maka hasil daripada kajian ini tidak boleh dijadikan sebagai generalisasi umum bagi keseluruhan pelajar. Di samping itu, kajian ini juga melihat sama ada latihan kemahiran sosial dapat menolong meningkatkan konsep kendiri pelajar-pelajar.

Kajian ini melibatkan pelajar yang dipilih dari tingkatan tiga yang akan menduduki Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) dan telah dikenalpasti sebagai pelajar yang lemah pencapaian akademiknya. Ukuran pencapaian akademik adalah daripada peperiksaan Pertengahan tahun 1999. Subjek kajian terdiri daripada empat orang pelajar perempuan dan 6 orang pelajar lelaki daripada latarbelakang yang berbeza. Modul berbentuk aktiviti disusun berperingkat-peringkat dengan mengambil kira sekuen daripada segi proses perkembangan pembelajaran. Perlaksanaan program yang telah disusun dalam modul tersebut juga dijalankan

secara berperingkat-peringkat dalam tempoh enam minggu dan hanya dilaksanakan pada hari Rabu sahaja.

Definisi Operasional

Terdapat beberapa istilah yang sering digunakan dalam kajian ini yang perlu diuraikan makna-maknanya bagi mengelakkan kekeliruan maksudnya.

Pelajar

Pelajar yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah pelajar yang berada di tingkatan tiga daripada sebuah sekolah menengah di Kuala Lumpur. Mereka terdiri daripada 4 orang pelajar perempuan dan 6 orang pelajar lelaki.

Pencapaian Akademik

Pencapaian akademik adalah gred-gred yang dicapai oleh pelajar dalam sesuatu ujian atau peperiksaan. Dengan kata lain, pencapaian akademik adalah kemampuan pelajar mendapat gred yang baik bagi satu-satu mata pelajaran yang diambil.

Lemah Akademik

Pelajar-pelajar yang terpilih menjadi subjek kajian dikategorikan sebagai pelajar-pelajar yang mempunyai tahap pencapaian akademik yang lemah. Lemah akademik ini bermakna mereka gagal melebihi 5 mata pelajaran daripada 8 mata pelajaran yang akan mereka ambil dalam Peperiksaan Menengah Rendah. Pencapaian ini diambil daripada Peperiksaan Pertengahan Tahun 1999 pada bulan Mei 1999.

Kesan Latihan

Menurut kamus Dewan(1994), kesan bermaksud akibat atau hasil. Dalam konteks ini, kesan bolehlah dikatakan sebagai akibat daripada sesuatu kegiatan atau proses yang berlaku sama ada positif atau negatif. Sementara latihan pula bermakna satu bentuk aktiviti dan telah disediakan berdasarkan satu modul. Oleh itu, kesan latihan bermakna akibat atau perubahan yang dapat dilihat terhadap diri subjek kajian hasil daripada program yang dilaksanakan berdasarkan modul yang telah disediakan.

Kemahiran Sosial

Kemahiran sosial mengikut Comba dan Sleby dalam Gazda (1982), ialah suatu kebolehan untuk berinteraksi dengan orang lain dalam sesuatu konteks sosial dengan cara tertentu dan diterima oleh masyarakat dan juga pada masa yang sama bermakna serta berfaedah pada diri sendiri dan orang lain. Menurut Cartledge dan Milburn (1986), kemahiran sosial adalah tingkah laku yang melibatkan interaksi antara kanak-kanak dengan rakan sebayanya atau seseorang dewasa, bertujuan untuk mencapai matlamat melalui interaksi yang positif. Kemahiran sosial juga memberikan fokus kepada bagaimana berinteraksi menunjukkan minat terhadap orang lain dan bagaimana membina dan meningkatkan hubungan tersebut. Eisler dan Friederikson (1980), menghuraikan kemahiran sosial sebagai mempunyai aspek yang boleh diperhatikan dan aspek kognitif yang tidak dapat dilihat. Azrin dan Hayes (1984), merumuskan kemahiran sosial sebagai satu sensitiviti sosial; iaitu mendiskriminasikan keadaan dan kehendak sosial (Argyle, 1969; Henson, Eisler dan Muller, 1974; Morrison dan Belleck, 1981). Dalam kajian ini pula, kemahiran sosial bermakna

cara-cara seseorang atau beberapa orang yang berinteraksi dalam sesuatu kumpulan sosial dapat mewujudkan situasi yang menuju kepada matlamat.

Komunikasi Dan Komunikasi Interpersonal

Asas kemahiran sosial yang baik ialah melalui komunikasi dengan individu lain atau masyarakat. Menurut Berko dan Bostwick (1983), komunikasi adalah satu proses kerana ia merupakan cara menghantar maklumat, kepercayaan, perasaan dan ide dari seorang dengan seorang yang lain. Ia ada pertalian berdasarkan kepada kefahaman tentang apa yang sedang berlaku. Komunikasi interpersonal pula ialah proses di man dua hingga dua puluh orang cuba untuk saling pengaruh mempengaruhi antara satu sama lain melalui simbol yang sama dalam situasi yang membolehkan peluang yang sama untuk semua orang yang terlibat dalam proses pengaruh mempengaruhi itu (Brooks dan Emmert, 1976).

Menurut Giffin dan Patton (1975), dalam komunikasi interpersonal yang dipentingkan ialah konfrantasi bersemuka antara manusia secara konsisten dengan menyedari diri masing-masing. Setiap orang yang terlibat memainkan peranan sebagai penghantar dan penerima mesej yang melibatkan penyesuaian yang kekal dan serta merta terhadap orang lain.

Konsep Kendiri

Sarbil (1954), menyatakan bahawa konsep kendiri adalah kunci kepada tingkah laku dan personaliti manusia. Rogers (1951) pula berpendapat kepentingan konsep kendiri ialah sebagai tindakbalas untuk meyesuaikan diri dalam kehidupannya. Bagi Byre dan Kelly (1981), konsep kendiri adalah

kumpulan sikap pertimbangan serta nilai yang dipegang oleh seseorang berdasarkan tingkah laku kebolehan, rupa paras serta harga diri.

Garison dan Garison (1975) telah mengemukakan tiga komponen konsep kendiri iaitu:

- a) kesedaran diri iaitu meliputi pengakuan hal-hal peribadi dan sosial
- b) Penerimaan diri iaitu termasuklah perasaan yang timbal balik antara diri dan orang lain.
- c) Penilaian diri iaitu termasuklah nilai diri sebagaimana hasil daripada penerimaan diri.

Konsep kendiri negatif merujuk kepada perasaan dan tingkah laku seperti rendah diri, rasa tidak berbakat, tidak yakin dan mempunyai helah bela diri yang tinggi. Dalam kajian yang akan dibuat ini, konsep kendiri adalah berdasarkan kepada 50 item skala konsep kendiri Tennessee (*Tennessee Self-Concept Scale*). i. Konsep kendiri pelajar adalah berdasarkan jawapan yang diperolehi terus daripada pelajar yang terlibat. Skornya diambil daripada ujian pra dan ujian-post untuk dianalisis.

Persoalan Kajian

Terdapat persoalan kajian yang seharusnya dipertimbangkan semasa kajian ini dilakukan iaitu:

- 1) adakah konsep kendiri pelajar yang lemah akademik akan berubah setelah rawatan diberikan ?
- 2) adakah tahap pencapaian akademik mereka turut berubah setelah konsep kendiri berubah atau sebaliknya?

- 3) adakah latihan kemahiran sosial yang diberikan memberi kesan terhadap pelajar yang lemah pencapaian akademiknya?